



**MASRI menyampaikan ceramah kepada para peserta bengkel.**

## NLP mantapkan diri dan organisasi

UB 02.03.2012 A2

**KOTAKINABALU:** Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Bengkel Pemantapan pengurusan organisasi dan pembangunan diri melalui kaedah Neuro-Linguistic Programming (NLP) baru-baru ini.

Program yang diadakan di Bilik Seminar Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) itu telah disertai seramai 20 orang yang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan BPKP dari Kampus Induk UMS Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL).

Pengerusi Penganjur, Masri Judah berkata objektif bengkel itu adalah untuk mengintergrasikan aplikasi NLP dan hypnotherapy dalam latihan dan komunikasi umum bagi mendapatkan keberkesanan yang tinggi khususnya di kalangan kakitangan BPKP.

“Program seumpama ini mampu menambahbaik kecemerlangan diri pegawai dan kakitangan untuk membentuk cara berfikir yang positif bagi memperoleh kejayaan, memiliki keyakinan tinggi, harga diri dan semangat kekeluargaan serta mampu memantapkan organisasi khususnya di HEP pada masa akan datang,”

katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberikan ceramah berkenaan peranan NLP dalam pemantapan diri dan organisasi pada program itu.

Sementara itu, Ketua Jabatan (HEP) dan penceramah, Darwis Awang berkata NLP menyatakan bagaimana minda beroperasi dan kemudiannya mempengaruhi tingkahlaku dan prestasi seseorang.

“Aktiviti seperti ini amat berguna sekali dan memberi input terbaik kepada para peserta untuk menjadi kakitangan yang berkeyakinan tinggi, mampu mengatasi sikap negatif yang menghalang perkembangan diri peserta, dapat mengenali diri dan orang sekeliling dalam membentuk hubungan erat dan harmoni sesama individu, keluarga dan rakan sekerja,” katanya.

Sepanjang program itu, peserta telah didedahkan dengan beberapa ujian dan latihan menggunakan kekuatan minda sehingga mampu mempengaruhi tingkahlaku dan prestasi seseorang seperti mengenali personaliti diri, mengaplikasikan kekuatan minda bawah sadar, meringankan bebanan yang berat, menukar air mineral menjadi pelbagai perisa dan mengeluarkan diri peserta dari sikap negatif ke positif.